



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN BAJA SEMPENA PROGRAM
JOM JIMAT, TANAM DAN TUAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 JULAI 2023 (JUMAAT)
9.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA MBSP
BANDAR PERDA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada pagi ini dalam **Majlis Penyerahan Baja Sempena Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai**. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa PUSPANITA MBSP kerana sudi menjemput saya ke majlis ini.
2. Saya merakam penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Jawatankuasa PUSPANITA dan Ahli-Ahli PUSPANITA yang telah berjaya menganjurkan Majlis pada pagi ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas seharian, mereka masih membahagikan masa untuk merancang, mengatur pelbagai program dan aktiviti untuk PUSPANITA. Syabas dan Tahniah!
3. Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PUSPANITA, peserta-peserta yang mewakili Jabatan-Jabatan Dalaman, yang telah

memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama menjayakan Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai ini.

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melihat inisiatif projek *Community Farming*, *Urban Farming*, *Backyard Gardening* atau *Balcony Gardening* mempunyai prospek yang sangat cerah selaras dengan hasrat Visi *Penang2030* yang diperkenalkan di bawah **Tema B – Menaiktaraf ekonomi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah**. Dengan fokus tiga (3) inspirasi utama iaitu Keluarga (*Family*), Hijau (*Green*) dan Negeri Pintar (*Smart State*), Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mewujudkan hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar (*urban farming*) dengan aktiviti penanaman sayur-sayuran secara organik di Pulau Pinang menjelang tahun 2030.

5. MBSP juga telah mengadakan pelbagai program yang mengajak warga MBSP dan juga warga Seberang Perai untuk “*Restore Our Earth*” melalui penanaman pokok di halaman rumah atau di komuniti masing-masing supaya menjadikan bumi ini kembali sihat. “*A healthy planet is not an option, it is necessary*”.

6. Inisiatif ini dapat meningkatkan kualiti hidup warga Seberang Perai di samping memberikan pelbagai manfaat dan faedah, iaitu:-
 - a. Aktiviti beriadah bersama keluarga dan pada masa sama dapat nikmati kehidupan yang lebih sihat.
 - b. Menikmati hasil tanaman dengan mudah dan secara tidak langsung dapat diguna pakai untuk menjana ekonomi sosial jangka pendek kepada komuniti berdekatan dalam mewujudkan pekerjaan harian atau bulanan khasnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. dan
 - c. Memanfaatkan tanah kosong atau ruang sedia ada untuk menanam sayur-sayuran;

7. Dalam usaha kerajaan menangani peningkatan kos sara hidup yang kini menjadi isu nasional, PUSPANITA MBSP melalui Biro Pembangunan Wanita telah mengambil inisiatif memupuk minat kakitangan untuk menanam sayur-sayuran di pejabat bagi keperluan diri sendiri atau keluarga .

8. Aktiviti penanaman sayur di pejabat / rumah dapat mengurangkan 20% perbelanjaan bulanan. Aktiviti menanam sayur di pejabat / rumah bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kos

perbelanjaan, tetapi turut membantu memulihkan tanah kerana bebas daripada bahan kimia.

9. Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai ini merupakan satu galakan untuk melibatkan kakitangan MBSP dalam aktiviti pertanian serta kepentingan terhadap sekuriti makanan dan seterusnya memberi galakan kepada kakitangan MBSP supaya lebih komited untuk memanfaatkan tanah-tanah dan ruang-ruang sedia ada untuk kegunaan aktiviti yang sihat.
10. Selain itu, ianya dapat melahirkan komuniti yang kreatif, inovatif dan saling bekerjasama serta menerapkan program kitar semula atau dikenali sebagai 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) dalam aktiviti pertanian.
11. Pada masa sama, kegiatan menanam sayur untuk keperluan sendiri turut membantu melahirkan masyarakat mandiri (berdikari) yang menghasilkan sendiri tanaman mereka dan tidak bergantung kepada faktor luar untuk mendapatkan sayur-sayuran,

12. Pertandingan ini adalah khusus diadakan untuk memberi semangat kepada kakitangan untuk menanam sayur dan menghasilkan sayur yang terbaik di jabatan. Secara tak langsung, ini akan menyuntik semangat kepada kakitangan untuk menanam sayur-sayuran di kawasan rumah sendiri.

13. Sebanyak 13 Jabatan telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Jom Jimat, Tanam dan Tuai antara Jabatan MBSP. Lokasi tapak tanaman yang dibenarkan adalah di balkoni pejabat atau kawasan lapang perkarangan pejabat dengan keluasan 5 kaki x 12 kaki sahaja. Walau bagaimanapun, MBSP mempunyai 19 Jabatan, dua (2) Bahagian dan tiga (3) unit. Justeru, saya berharap agar semua Jabatan mengambil bahagian dalam Pertandingan Jom Jimat, Tanam dan Tuai antara Jabatan MBSP. PUSPANITA perlu lebih giat mempromosi dan menggalakkan lagi agar semua Jabatan Dalam MBSP terlibat.

14. Antara kriteria penilaian adalah kebun jabatan hendaklah mempunyai elemen kelestarian seperti penggunaan bahan kitar semula; dan kebersihan, keindahan dan susunatur kebun yang menarik dan kreatif;

15. Hadiah akan diberikan kepada berdasarkan kepada hasil tanaman terbanyak dan kebun kreatif.
16. Setiap Jabatan yang mengambil bahagian telah diberikan lima (5) buah pasu bersama biji benih. Hari ini, PUSPANITA akan menyerahkan pula baja kepada setiap Jabatan yang bertanding.
17. Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai ini amat bermakna buat kita semua kerana ianya merupakan salah satu aktiviti senam sihat yang menenangkan hati dan jiwa bagi warga kerja MBSP. Malah kita dapat memanfaatkan tanah-tanah kosong dan ruang-ruang sedia ada dengan sepenuhnya melalui aktiviti menanam sayur. Malah kita akan mendapat kepuasan apabila dapat makan sayur segar yang ditanam sendiri, menjimatkan belanja dapur dan mengeratkan lagi hubungan antara rakan sekerja.
18. Di kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA di atas kesungguhan dan komitmen dalam menganjurkan program ini. Saya berharap agar kita semua dapat bekerja dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala

sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

19. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengerusi PUSPANITA dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli PUSPANITA atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Program Jom Jimat, Tanam dan Tuai ini. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam PUSPANITA sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

Sekian. Terima Kasih

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***